

**Ketumbukan Mantap Yakinkan Rakyat Kemampuan Atm Lindungi Kedaulatan
Negara - Panglima TUDM
Bernama
6 Julai, 2013**

ALOR SETAR, 6 Julai (Bernama) -- Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia Jen. Tan Sri Rodzali Daud berkata evolusi keupayaan TUDM telah diperkasakan daripada segala dimensi agar keupayaan itu dapat diperkukuhkan secara total.

Ini, katanya, merangkumi penstrukturan organisasi, perolehan aset tempur canggih, pembudayaan nilai teras dan pembangunan modal insan berkualiti.

Beliau berkata dengan ketumbukan yang mantap, ia akan dapat meyakinkan rakyat bahawa Angkatan Tentera Malaysia khususnya TUDM benar-benar mampu melindungi kedaulatan dan kepentingan strategik negara.

"Ini telah dibuktikan dengan pencapaian warga TUDM menabur bakti di bawah panji-panji Bangsa-bangsa Bersatu di Lubnan dan Afganistan dan Tim Pemantau Antarabangsa di Mindanao," katanya.

Rodzali berucap pada Majlis Perbarisan Penyampaian Sayap Penerbangan Kursus Asas Penerbangan Siri 74 dan Kursus Asas Helikopter Siri 54/12, di Kolej Tentera Udara Alor Setar di Kepala Batas, dekat sini hari ini.

"Kecemerlangan TUDM juga terbukti semasa Operasi Daulat di Sabah baru-baru ini di mana juruterbang TUDM yang terlatih telah membuktikan kecemerlangan mereka semasa mengendalikan pesawat dan persenjataan moden," katanya.

Beliau turut memberi amaran bahawa TUDM tidak akan berkompromosi dengan warganya yang melanggar disiplin penerbangan dan memudaratkan nama baik pasukan itu.

Tindakan tegas termasuk diberhentikan daripada perkhidmatan akan diambil jika perlu, katanya.

Terdahulu, tiga pelatih terbaik menerima anugerah masing-masing iaitu bagi kategori Terbaik Penerbangan Sayap Kaku dimenangi oleh Lt Ungku Mohamad Nizam Ungku Abdul Rahman; Terbaik Penerbangan Helikopter, Lt Khairulanam Hafiy Abdullah; dan Terbaik Akademik, Lt Mohamad Amirol Mohd Deran.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=961470>